

# Kebajikan staf UMS-KAL sentiasa dijaga

UB 09.10.2012 B2

LABUAN: Pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan terus membela dan menjaga kebijakan kakitangannya termasuk kakitangan bukan akademik.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata pelbagai aspek termasuk perjawatan, kebijakan dan kemudahan untuk kakitangan akan diberi perhatian bagi meningkatkan motivasi mereka bekerja.

Katanya, pengurusan tertinggi UMS yang diterajui Naib Canselor UMS, Prof

Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, sentiasa mengambil kira kepentingan kakitangan termasuk kakitangan sokongan yang turut membantu meningkatkan prestasi dan imej universiti.

Beliau berkata, pihaknya juga akan meningkatkan kemudahan sukan bagi memgalakkan kakitangan bergiat aktif dalam bidang sukan bukan sahaja untuk kesihatan tetapi mewakili UMS-KAL ke pertandingan Sukan Staf dan Sukan Borneo akan datang.

"Pengurusan universiti akan terus menjaga dan membela

kebijakan kakitangan agar mereka komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan untuk bersama-sama meningkatkan imej UMS," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pengarah Bersama Kakitangan Bukan Akademik di Dewan Theatrette UMS-KAL, kelmarin.

Turut hadir Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad

Tuah, pegawai kanan dan 171 kakitangan yang berdialog bersama Pengarah Kampus.

Ismail juga mahu semua kakitangan memakai tanda namasebagai salah satu budaya yang diamalkan sebagai kakitangan kerajaan selain memudahkan mengenali kakitangan berkenaan.

Selain itu, beliau mahu semua kakitangan UMS-KAL mendalamai bahasa Inggeris sesuai kedudukan UMS-KAL sebagai IPTA bertaraf antarabangsa yang turut mempunyai pelajar dan pensyarah antarabangsa.



**SEBAHAGIAN** kakitangan bukan akademik yang menghadiri Majlis Pengarah Bersama Kakitangan di Dewan Theatrette UMS-KAL.